

# Duta, pegawai diarah dekati pelajar Malaysia

BH - 4 MAY 2001

Oleh Kadir Dikoh dan Wan Esuriyanti Wan Ahmad

KUALA LUMPUR, Khamis - Semua duta dan wakil Malaysia di luar negara diarah supaya lebih kerap mendekati pelajar serta menjelaskan dasar sebenar kerajaan supaya mereka tidak lagi mempunyai tanggapan yang salah.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, pendekatan itu perlu kerana pelajar di luar negara kerap diganggu dan dihasut rakyat Malaysia sendiri yang pergi menemui mereka.

Perdana Menteri berkata, hasutan seumpama itu menyebabkan pelajar lebih cenderung menjadi antikeajaan dan penjelasan mengenai keadaan sebenar di negara ini amat perlu bagi mengubah persepsi mereka.

"Sudah tentu, bukan sesuatu yang mudah (memberi penjelasan)... kerana orang lain yang datang dari Malaysia, cuba mengacau dan menghasut mereka," katanya selepas merasmikan Persidangan Ketua-Ketua Perwakilan Malaysia di Luar Negara di Seri Kemangan dekat sini, hari ini.

Seramai 86 duta, pesuruhjaya tinggi, konsulat dan kuasausaha Malaysia di lebih 80 negara termasuk wakil tetap ke Bang-

"Sudah tentu, bukan sesuatu yang mudah (memberi penjelasan)... kerana orang lain yang datang dari Malaysia, cuba mengacau dan menghasut mereka"

- Dr Mahathir Mohamad

sa-Bangsa Bersatu (PBB) menghadiri persidangan yang akan berakhir Selasa depan.

Pada majlis tertutup itu, Dr Mahathir turut berdialog dengan mereka. Hadir sama, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Dr Mahathir berkata, semua ketua perwakilan Malaysia itu perlu bekerja lebih kuat walaupun selama ini hal berkaitan pelajar dikendalikan Jabatan Hal Ehwal Pelajar.

"Sekarang kita mahu duta-duta kita memainkan peranan yang lebih aktif. Di London contohnya, pesuruhjaya tinggi kita yang baru (Datuk Salim Hashim) begitu aktif menemui pelajar dan menjelaskan sesuatu (isu semasa) kepada mereka.

"Pada masa akan datang, duta kita dikehendaki supaya lebih rapat dengan pelajar," katanya.

Beliau berkata, Malaysia adalah satu-satunya negara yang mempunyai Jabatan Hal Ehwal Pelajar di negara yang mempunyai pelajar Malaysia, dengan bilangan kakitangan yang agak besar.

Katanya, tidak ada negara lain yang mempunyai penuntut di luar negara yang memberi perhatian serius kepada kebajikan pelajar.

"Jabatan Hal Ehwal Pelajar ini mereka memberi perhatian kepada kebajikan pelajar. Namun demikian, kerana ada hasutan daripada pihak lain, pelajar kita kerap kali lebih cenderung menjadi orang yang antikeajaan," katanya.

Ditanya negara mana yang menjadi sasaran untuk duta menumpukan lebih usaha bagi memberi penjelasan kepada pelajar, Dr Mahathir berkata, usaha seperti itu akan diberi

di mana saja ada pelajar Malaysia.

Mengenai isu penting yang dibangkitkan ketika sesi soal jawab pada majlis itu, beliau berkata, mereka antara lain ingin mengetahui hubungan terbaru Malaysia dengan Amerika Syarikat serta dasar negara terhadap China dan Russia.

"Masing-masing nak tahu dasar kita mengenai negara di tempat mereka ditugaskan. Kita jelaskan secara umum dasar Malaysia dengan negara-negara lain. Saya juga menjelaskan dasar Malaysia sejak kita merdeka.

"Dulu kita tidak begitu aktif dalam arena antarabangsa. Dulu kita ikut dasar Barat tetapi dasar kita adalah dasar bebas dan kita berpendapat kita berhak menyokong atau mengkritik di mana perlu sebagai sebuah negara bebas.

"Sekarang ini kita anggap diri kita sebagai bebas dan tidak tersekat dengan mana-mana pihak," katanya.

Mengenai maklum balas daripada perwakilan terabit berkaitan pandangan negara asing terhadap Malaysia, beliau berkata, secara umumnya negara membangun amat kagum.

"Umumnya negara membangun menyokong Malaysia dan mereka sanjung tinggi peranan yang dimainkan oleh kita, termasuk negara China. Tetapi sesetengah negara kuasa besar, mereka tidak senang hati dengan kita," katanya.

Beliau juga melahirkan rasa puas hati dengan prestasi perwakilan Malaysia di luar negara sehingga berjaya memperjelaskan sesuatu isu dan mempertahankan dasar negara.

Sementara itu, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar ketika ditemui pemberita berkata, Wisma Putra sudahpun mengeluarkan arahan kepada semua ketua perwa-

kilan Malaysia di luar negara untuk meningkatkan interaksi dengan pelajar mengenai perkembangan semasa negara.

"Kita juga sentiasa menghantar maklumat mengenai isu dalaman negara secara berterusan kepada perwakilan kita. Yang jelas, melalui pendekatan interaksi ini, kita berjaya meningkatkan kefahaman pelajar Malaysia mengenai matlamat dan dasar kerajaan," katanya.

Sambil menyifatkan perjumpaan Perdana Menteri dengan ketua perwakilan hari ini sebagai sesuatu yang bermanfaat, Syed Hamid berkata, semua duta atau pesuruhjaya ting-

gi Malaysia perlu mendapatkan maklumat terkini dalam menjalankan tugas mereka sebagai diplomat.

"Dr Mahathir turut menerangkan evolusi dasar luar Malaysia dan bagaimana ia berkembang. Inilah yang perlu didalami duta kita ketika menjalankan tugas sebagai diplomat," katanya.

Ditanya mengenai kuasa besar yang tidak senang dengan dasar luar negara, beliau berkata, Malaysia perlu memainkan dasar yang menunjukkan negara tidak terikat kepada mana-mana arahan luar, dan segala keputusan yang dibuat adalah berasaskan kepentingan Malaysia dan

negara membangun.

Syed Hamid turut menegaskan, jika negara tidak bergantung kepada bantuan negara maju tetapi hanya kepada kekuatan ekonomi negara, maka Malaysia dapat mempertahankan kemerdekaan dan kebebasannya.

"Jadi, Perdana Menteri memberi peringatan kepada semua wakil kita kerana dunia kini mempunyai pendekatan baru seperti globalisasi, dunia tanpa sempadan dan demokrasi liberal," katanya sambil menambah hubungan dengan negara membangun juga adalah penting kerana ia memberi cabaran dan peluang yang baik.